

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 28.05.2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan penjawat awam yang ditahan oleh SPRM dan disabitkan dengan rasuah dan korupsi setiap tahun sepanjang tempoh 5 tahun yang lalu, termasuklah pangkat mereka, dan mereka dari Kementerian dan agensi Kerajaan yang mana.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sepanjang 2010 hingga 2014, seramai 1299 penjawat awam telah ditangkap oleh SPRM atas kesalahan di bawah Akta SPRM 2009, manakala 638 telah dituduh dan 411 telah disabitkan kesalahan.

Mereka yang ditangkap ini adalah terdiri dari pelbagai Kementerian atau agensi-agensi penguatkuasa dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terdiri daripada pelbagai pangkat.

Sekian, terima kasih.